



Teori Masalah Dalam Sistem Pewarisan Harta Orang Islam

The Theory of Masalah in Muslim's Inheritance System

MOHD KAMARUL KHAIDZIR BIN SAADAN
(Corresponding Author)
Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bangi Selangor
khaidzir@kuis.edu.my

MOHAMAD SABRI BIN HARON
Pusat Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Bangi Selangor
sabrie@ukm.edu.my

Sistem Pewarisan Harta

01

Submitted: 29 January 2018
Revised: 18 March 2018
Accepted: 9 April 2018
E-Published: 10 April 2018

ABSTRAK

Undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT adalah untuk memberi kebaikan dan keadilan kepada seluruh manusia dalam semua aspek kehidupan. Teori menjaga kebaikan (*masalah*) mengikut neraca Islam adalah berbeza dengan konsep yang difahami oleh manusia berikutan keterbatasan akal manusia dalam memahami kehendak Allah. Justeru maksud kebaikan hendaklah ditafsir dengan bersandarkan kepada ilmu wahyu agar menepati objektif sesuatu pensyariaan. Kajian ini dilakukan untuk mengenenahkan teori *masalah* dalam Sistem Pewarisan Harta Orang Islam. Metode kajian adalah melalui pendekatan kualitatif dimana rujukan dokumentasi dilakukan dengan membuat penelitian ke atas data-data dan maklumat-maklumat daripada buku, jurnal, kertas kerja, dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Dapatan menunjukkan dalam pembahagian pusaka, *masalah* tidak dinilai berdasarkan perbezaan gender dan umur sebaliknya lebih berkait rapat dengan hak dan tanggungjawab. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input tambahan ke arah kefahaman masyarakat terhadap Sistem Pewarisan Islam.

Kata Kunci: *Maqasid, Masalah, Pewarisan, Harta Pusaka, Islam.*





ABSTRACT

The laws and regulations set by Allah SWT are to bring goodness and justice to all human in entire aspects of life. Theory of benefit (*maslahah*) according to the Islamic parameter is different from the concept understood by man as a result of the limitations of human in understanding Allah's will. Hence the purpose of benefit should be interpreted based on revealed knowledge to be in conformity with its legal objective. This study was conducted to highlight the theory of *maslahah* in the Islamic inheritance law. The method of study is through a qualitative approach where documentation references are conducted by analyzing data and information from books, journals, papers, and other documents. The findings show that in the allocation of inheritance, *maslahah* is not evaluated on the basis of gender differences and age, but more closely related to rights and responsibilities. The results of this study are expected to provide additional input towards the understanding of the Islamic inheritance system.

Keywords: *Maqasid, Maslahah, Islamic Inheritance, Islam.*

PENDAHULUAN

Persoalan yang sering ditimbulkan oleh golongan yang agak skeptikal dengan sistem pewarisan Islam ialah sejauhmana sistem tersebut memenuhi konsep keadilan dan menjaga kemaslahatan pihak-pihak yang terlibat, sedangkan doktrin ini sangat sinonim dengan syariat Islam. Maka perlu dijelaskan bahawa teori *maslahah* (kebaikan) bermula dengan kedatangan Islam itu sendiri yang datang membawa keadilan dan kebaikan kepada umat manusia dan seluruh alam. Bahkan penetapan hukum-hukum syarak itu sendiri adalah berasaskan kepada menjamin manfaat dan kebaikan untuk manusia serta mengelakkan daripada kesukaran dan kerosakan. Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 78 yang bermaksud:

Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya; Dia telah memilih kamu dan Dia tidak menjadikan atas kamu menanggung susah payah dalam perkara agama.

(Al-Hajj, 22: 78)

PENGERTIAN MASLAHAH

Perkataan *maslahah* merupakan satu perkataan dalam bahasa Arab dari kata dasar *salaha* yang bermaksud memberi manfaat dan kebaikan serta tidak membinasakan. Manakala perkataan *maslahah* adalah dalam bentuk tunggal dari kata *masalih*. Ianya bermaksud setiap perkara yang mengandungi manfaat sama ada dengan menarik dan menghasilkan seperti mencapai faedah dan kelazatan atau dengan menolak dan mengawal seperti menjauhkan kemudaratan dan kesakitan, maka semuanya itu dinamakan *maslahah* (Ibn Manzur, t.t; al-Fayyumi, 1987; Mustafa, 2004). Maka sesuatu perkara yang boleh mendatangkan keuntungan, memberi kebajikan dikira sebagai sesuatu yang mempunyai *maslahahnya* yang tertentu.

Dalam perbincangan ilmu *Maqasid*, al-Shatibi menghuraikan *masalah* yang dimaksudkan ialah *masalah* di dunia dan akhirat dan berpendapat *masalah* yang hakiki ialah yang membawa kepada terbinanya kehidupan bukannya meruntuhkannya di samping memberi manfaat kepada pihak lain juga. Tegasnya pendapat ini menunjukkan *masalah* itu merujuk kepada sesuatu yang mendatangkan manfaat dan mengangkat kemudharatan. Maka, syariat diturunkan untuk mengeluarkan manusia daripada menggunakan hawa nafsu mereka dalam penentuan hukum semasa seterusnya menjamin kesejahteraan hidup (al-Shatibi, 2011).

Al-Ghazali dalam al-Mustasfa juga bersependapat dengan menegaskan bahawa *masalah* pada dasarnya adalah menarik manfaat ataupun menolak kemudharatan. Seterusnya beliau menjelaskan bahawa *masalah* adalah untuk menjaga maksud syarak, dan maksud syarak kepada manusia ada lima perkara, iaitu untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, serta harta mereka. Tegas beliau setiap hukum yang mengandungi tujuan memelihara kelima-lima perkara ini disebut *masalah* dan setiap perkara yang menafikannya disebut *mafsadah*, sementara menolak *mafsadah* juga adalah *masalah* (al-Ghazali, 1997).

Maslahah menurut makna asalnya bermaksud mendatangkan manfaat atau menolak mudarat. Akan tetapi, bukanlah bermaksud demikian, kerana mendatangkan manfaat dan menghindar dari mudarat adalah tujuan manusia. Kemaslahatan makhluk terletak pada tercapainya tujuan mereka. Sedangkan yang dimaksudkan dengan *masalah* ialah memelihara tujuan syarak. Tujuan syarak yang ingin dicapai dari manusia ada lima perkara iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta mereka.

Pemikiran al-Ghazali berkaitan *masalah* bolehlah dijelaskan seperti berikut:

- i. Makna asal *masalah* adalah mencapai manfaat dan menolak kemudharatan. Ini selari dengan pengertian *masalah* menurut bahasa dan adat kebiasaan manusia. Namun begitu pengertian ini bukan yang dimaksudkan oleh beliau kerana ia lebih kepada tujuan yang ingin dicapai oleh manusia.
- ii. *Maslahah* yang dimaksudkan ialah mencapai manfaat dan menolak kemudharatan dengan memelihara tujuan syarak yang lima. Oleh yang demikian, setiap perkara yang memelihara dan menghindarkan ancaman terhadap kelima-lima tujuan syarak adalah *masalah*.
- iii. Membezakan antara *masalah* menurut pandangan manusia dengan *masalah* menurut pandangan syarak. Manusia ingin mencari kemaslahatan dan syarak juga ingin mewujudkan kemaslahatan. Namun begitu kemaslahatan yang dikehendaki oleh manusia belum tentu sama dengan kemaslahatan yang dikehendaki oleh syarak. Walaupun *masalah* berdasarkan kehendak syarak pada zahirnya bercanggah dengan kehendak manusia, namun hakikatnya ianya selari dengan kehendak manusia.
- iv. Beliau juga mengambil langkah berhati-hati dalam membuka pintu *masalah* supaya tidak disalahguna untuk kepentingan hawa nafsu. Ini bermakna konsep *masalah* yang digunapakai dalam tindakan perlu bertunjangkan tujuan syarak.

Dalam hal ini jelas menunjukkan bahawa al-Ghazali lebih menekankan *masalah* sebagai *munasib* (kesesuaian) dengan meletakkan syarat-syarat tertentu di samping membuat pembahagian *masalah* yang agak ketat. Oleh itu, pendefinisian yang diberikan oleh al-Ghazali dilihat lebih ringkas dan mencakupi kehendak *masalah* yang sebenar (Azri, 2016).

Justeru pengertian *masalah* yang cuba diketengahkan di sini ialah menjaga kebaikan yang merupakan objektif di sebalik pensyariatian hukum atau disebut sebagai *Maqasid Shariah*. *Maqasid Shariah* bermaksud sesuatu matlamat dan objektif yang ingin dihasilkan di sebalik pensyariatian hukum iaitu mendatangkan kebaikan dan mengangkat kemudahan. Kebaikan yang ingin dicapai ini pula mempunyai ciri-ciri tertentu agar ianya berasaskan kepada objektif syarak dan bukannya berpandukan kepada objektif mukallaf. Maka *masalah* yang diiktiraf sebagai *masalah shar'iyah* merupakan kesan daripada perbuatan yang mengikut kehendak syarak yang bertujuan merealisasikan objektif syarak dalam mewujudkan hukum dan peraturan (al-Amidi, 1998).

Sarjana *maqasid* berpendirian bahawa *masalah* bertindak memelihara dan mengawal tujuan syarak walaupun bertentangan dengan kehendak orang perseorangan, orang ramai atau mana-mana pihak. Oleh itu, *masalah* yang menjadi matlamat makhluk dan bertentangan dengan tujuan syarak itu pada hakikatnya tidak ada kemaslahatan. Malah ianya merupakan hawa nafsu jahat, keinginan yang didorongkan oleh jiwa rosak serta nafsu buas, dihiasi oleh godaan serta hasutan syaitan dan ditambah pula dengan suasana adat resam jahilliah serta cara hidup yang bertopengkan *masalah* (al-Buti, 1966). Ini bermakna *masalah* yang selari dengan tujuan syarak sahaja diterima sebagai *masalah* yang sah, manakala *masalah* yang bercampur aduk dengan *mafsadah* tidak diperakui oleh syarak meskipun terdapat *masalah* pada pandangan manusia.

Ciri-ciri *masalah* sepertimana yang ditentukan oleh sarjana *maqasid* adalah seperti berikut:

- i. Ia bersumberkan kepada petunjuk syarak bukannya berasaskan hawa nafsu atau akal semata-mata.
- ii. Ia tidak terhad dalam penilaian duniawi sahaja tetapi dunia dan akhirat. Konsep ini jelas menunjukkan kepada objektif syarak yang menyeluruh dan menyentuh seluruh aspek kehidupan manusia duniawi dan ukhrawi.
- iii. Ia tidak seharusnya berbentuk material sahaja, malah meliputi tuntutan spiritual.
- iv. Kemaslahatan agama menjadi asas kepada semua kemaslahatan yang lain.

Dapat disimpulkan bahawa *masalah* dan *maqasid* bukan dua istilah yang berbeza, sebaliknya merupakan satu konsep yang sama. Kedua-duanya saling menguatkan antara satu sama lain dan *masalah* adalah sebahagian daripada inti pati yang diperoleh daripada *maqasid*. Boleh digambarkan *maqasid* berbentuk umum dan menyeluruh, manakala peranan *masalah* pula adalah mengkhususkan dan menentukan *maqasid*. Jelaslah bahawa *masalah* sebahagian daripada *Maqasid Shariah* (Zahr al-Din, 2011).

ANALISIS MASLAHAH DALAM SISTEM PEWARISAN ISLAM

Sejarah awal penurunan ayat-ayat hukum pewarisan jelas menunjukkan bahawa pertimbangan keadilan dan keutamaan menjaga *maslahah* kepada pemilik harta dan ahli waris telah lama berlaku. Ia menjadi asas hukum syarak bagi menjamin kebajikan kepada mereka yang ditinggalkan serta mengelak daripada ketidakadilan pembahagian pusaka mengikut tradisi Jahiliyah. Dalam kes pembahagian harta pusaka Sa'ad bin al-Rabi', isteri beliau Amrah binti Hazam telah mengadu kepada Rasulullah SAW apabila harta pusaka Sa'ad telah dibolot oleh saudara lelaki sehingga mengambil haknya sebagai isteri dan hak dua anak perempuannya. Berikutan itu, maka turunlah ayat-ayat *faraid* yang memberi hak tertentu kepada waris yang tersisih ini demi memastikan kesinambungan kewangan keluarga akibat kematian ketua keluarga atau penanggung nafkah (al-Shatibi, 2011; Jasni, 2011).

Undang-undang Pusaka Islam adalah bersumberkan kepada al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan ijtihad para sahabat dalam beberapa masalah tertentu. Di dalam al-Quran terdapat dua kategori ayat yang berkaitan dengan pusaka iaitu ayat *mujmal* dan ayat *mufassal*. Ayat *mujmal* menjelaskan hak-hak ahli waris secara umum tanpa menentukan bahagian mereka secara terperinci. Manakala ayat *mufassal* pula menjelaskan secara terperinci ahli-ahli waris yang berhak serta kadar bahagian masing-masing. Di antara ayat berbentuk *mujmal* ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah).

(Al-Nisa', 4: 7)

Falsafah sistem faraid juga berteraskan peredaran harta dan keadilan agihan. Bagi memastikan kitaran harta terlaksana dan berfungsi sebagai faktor pengeluaran atau tujuan penggunaan, ia hendaklah diagihkan kepada para penerima yang berhak. Penentuan para penerima yang berhak telah dinyatakan dalam ayat-ayat *mufassal* iaitu ayat ke-11 dan 12 serta ayat 176 dari surah al-Nisa'.

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 11-12 yang bermaksud:

Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah separuh harta itu. Dan bagi ibu bapa simati, tiap-tiap seorang dari keduanya seperenam dari harta yang ditinggalkan jika simati ada anak. Tetapi jika simati tiada anak, sedang yang mewarisinya



hanyalah ibu bapanya, maka bahagian ibunya sepertiga. Kalau pula simati itu mempunyai beberapa saudara, maka bahagian ibunya ialah seperenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh simati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya lebih dekat manfaatnya kepada kamu. Ini adalah ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Nisa', 4: 11)

Firman-Nya lagi:

Dan bagimu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu jika mereka tiada anak. Tetapi jika mereka ada anak maka kamu beroleh seperempat dari harta yang ditinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dengannya atau sesudah dibayar hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tiada anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan dengannya dan sesudah dibayar hutangmu. Dan jika simati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau ibu bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki, atau saudara perempuan, maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah seperenam. Kalau pula mereka lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada sepertiga, sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan olehnya, dan sesudah dibayar hutangnya dengan tidak memudharatkan. Itulah ketetapan Allah. Dan Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.

(Al-Nisa', 4: 12)

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 176 yang bermaksud:

Mereka meminta fatwa kepadamu (mengenai masalah Kalalah). Katakanlah: Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara Kalālah, iaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan mempunyai seorang saudara perempuan maka bagi saudara perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkan; dan ia pula mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Jika saudara perempuan dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang di tinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka itu ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan. Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(Al-Nisa', 4: 176)

Selain daripada nas al-Quran, terdapat hadis-hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan maksud Al-Quran tentang peruntukan atau bahagian ahli-ahli waris yang berhak, antaranya sabda baginda SAW:

لِلْأَبْنَةِ النَّصْفِ وَالْأَبْنَةِ ابْنِ السُّدُسِ تَكْمِلَةَ الثَّلَاثِينَ وَمَا بَقِيَ فَلِلْأُخْتِ.

Maksudnya:

Bagi seorang anak perempuan satu perdua, seorang anak perempuan kepada anak lelaki (cucu perempuan) satu perenam untuk melengkapkan dua pertiga dan 'asabah (baki) untuk seorang saudara perempuan.

(Sahih al-Bukhari, Kitab al-Faraidh, Bab Mirath Ibnat al-Ibn ma'a Bint, No. 6355)

Selain daripada nas al-Quran dan al-Sunnah, ijmak para sahabat dan tabi'in juga menjadi sandaran dalil dalam pembahagian pusaka, iaitu seorang nenek atau dua orang nenek (ibu kepada ibu dan ibu kepada bapa) mereka sama-sama berkongsi dalam satu perenam bahagian. Demikian juga para sahabat telah melakukan ijtihad mereka dalam beberapa masalah pusaka, seperti dalam kes-kes *al-Umariyyatain*, *al-Musyarakah*, pewarisan datuk ketika bersama saudara (lelaki atau perempuan) seibu sebapa atau sebapa, pewarisan *dzawi al-arham*, dan sebagainya (Barraj, 1981).

Peruntukan bahagian-bahagian penerima yang ditunjukkan dalam ayat-ayat pewarisan adalah manifestasi keadilan syarak dan bukti kesyumulan Islam yang sentiasa menjaga fitrah manusia yang perlukan harta demi kesinambungan hidup di dunia. Namun begitu, ini tidak bermakna hak-hak pemilik harta diabaikan begitu sahaja. Justeru itu tafsiran keadilan dan menjaga *maslahah* dalam sistem pewarisan Islam hendaklah selari antara hak dan kepentingan si mati dan ahli waris.

Maslahah Kepada Pemilik Harta

Adalah menjadi kebimbangan kepada pemilik harta jika hartanya digunakan dengan cara menyalahi syarak selepas kematiannya. Ini kerana harta adalah salah satu daripada kesinambungan amalan baik selepas kematian. Oleh kerana itulah syarak memperuntukkan pelbagai cara bagi memastikan hasrat pemilik harta terlaksana dan ahli waris tidak berhak menafikan atau mengambil peruntukan tersebut. Peruntukan ini berbentuk pembayaran hutang, pelaksanaan wasiat, wakaf dan hibah, serta pengurusan jenazah (Ridzwan, 2008).

Kaedah dalam pelaksanaan syariat menetapkan perkara yang wajib hendaklah diutamakan berbanding dengan perkara sunat. Maka dalam konteks pengurusan harta pusaka, pembayaran hutang adalah satu kewajipan yang mesti ditunaikan berbanding wasiat yang merupakan perkara sunat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Ali RA katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَضَى بِالذَّيْنِ قَبْلَ الْوَصِيَّةِ وَأَنْتُمْ تُقْرُونَ الْوَصِيَّةَ قَبْلَ الذَّيْنِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Nabi SAW mengarahkan membayar hutang terlebih dahulu berbanding wasiat, sedangkan kamu menetapkan wasiat terlebih dahulu sebelum hutang.

(Sunan al-Tirmidzi, Kitab al-Wasaya, Bab Ma Jaa Yabda' bi al-Dayn Qabl al-Wasiyyah, No. 2122)

Hadis ini jelas menunjukkan praktis yang dilakukan oleh Nabi SAW adalah mengutamakan bayaran hutang yang tertunggak kepada pemiutang sebelum daripada melaksanakan wasiat. Islam memandang hutang sebagai suatu perkara yang sangat berat dan merupakan tanggungjawab yang mesti dilunaskan. Justeru selepas kematian, peruntukan harta si mati haram diagihkan selagimana hutangnya belum dilunaskan (al-Sabuni, 1985).

Dalam konteks wasiat pula, pensyariatan wasiat merupakan salah satu daripada instrumen terbaik dalam pengurusan harta si mati. Pemilik harta berhak mewasiatkan tidak lebih dari satu pertiga daripada harta untuk tujuan kebaikan. Wasiat merupakan salah satu wasilah bagi memastikan si mati sentiasa mendapat pahala yang berkekalan dan berpanjangan walaupun telah meninggal dunia. Rasulullah SAW telah menjelaskan dalam sabda baginda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ وَعِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ وَوَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.

Maksudnya:

Sekiranya seseorang manusia itu meninggal dunia, maka akan terputuslah segala amalannya melainkan daripada tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan, atau anak yang soleh yang mendoakannya

(Sahih Muslim, Kitab al-Wasiyyah, Bab ma Yalhaq al-Insan min al-Thawab Ba'da Wafatihi, No. 1631)

Menurut Muhammad Sa'ad al-Yubi, keadilan sistem pusaka Islam jelas dapat dilihat apabila hak dan hasrat pemiliknya terbela. Antaranya ialah hak untuk berwasiat sepertiga dari hartanya sebagai jaminan kebaikan berterusan dan bentuk sumbangan pemilik harta kepada dirinya sendiri selepas kematian. Ini kerana tiada jaminan para waris yang menerima pusaka akan menggunakan harta tersebut untuk kemaslahatan si mati. Perkara ini bertepatan dengan *Maqasid Shariah* yang menjaga hak pemilik harta dan mengembalikan manfaat kepadanya (al-Yubi, 1998).

Selain itu terdapat instrumen perancangan harta seperti hibah turut diperkenalkan demi menjamin kemaslahatan pemiliknya. Hibah ialah suatu pemberian daripada pemilik harta kepada orang lain yang disertakan dengan suatu akad, manakala pemberian tersebut adalah secara rela hati tanpa mengharap balasan daripada

orang yang menerima melainkan atas dasar kasih sayang. Instrumen ini dilihat mampu menjadi alternatif kepada pengagihan harta pusaka sebagai langkah mengurangkan masalah yang timbul akibat kegagalan dan kelewatan pengagihan harta melalui faraid tanpa mengeneppikan kepentingan hukum faraid itu sendiri. Konsep hibah dilihat lebih fleksibel berbanding wasiat dan faraid. Misalnya wasiat tidak membenarkan peruntukan lebih daripada satu pertiga daripada hartanya, sementara dari aspek pemberian harta kepada ahli waris pula pelaksanaan wasiat hendaklah dengan persetujuan ahli waris lain (Nurul Hazira, 2009). Manakala konsep faraid tidak boleh memperuntukkan 'asobah (lebihan harta) untuk anak perempuan atau anak angkat kerana tertakluk kepada bahagian yang ditetapkan oleh hukum syarak (Naziree, 2009).

Hibah bertujuan bagi memastikan proses pengurusan harta dapat dilaksanakan dengan segera serta memberikan faedah yang maksima kepada pemilik harta dan ahli waris. Pelaksanaan hibah dilihat amat sesuai untuk diamalkan seiring dengan peredaran masa serta perubahan corak hidup dan tabiat masyarakat. Ini adalah memandangkan proses pengagihan harta secara hibah tidak begitu rumit berbanding proses pentadbiran harta pusaka secara faraid. Instrumen ini mampu mengurangkan kelewatan dan tunggakan kes-kes pusaka terutama masalah hartanah dan wang tidak dituntut, selain daripada risiko pengabaian hak-hak si mati memandangkan pemberian telah dibuat semasa hayat pemiliknya (Rusnadewi, 2013; Nurul Hazira, 2009).

Maslahah Kepada Penerima Harta (Ahli Waris)

Jika dilihat secara terperinci penyenaiaan ahli waris serta peruntukan bahagian-bahagian mereka adalah berdasarkan *maslahah* dan keperluan yang tertentu. Sistem pembahagian pusaka ini adalah adil kepada semua ahli waris berdasarkan fitrah manusia, keperluan dan tanggungjawab serta keakraban mereka dengan si mati. Malah sistem pusaka yang ditentukan oleh syarak ini jauh memberikan keadilan kepada semua termasuk kepada kaum wanita dan kanak-kanak yang jelas dinafikan hak mereka pada zaman Jahiliyah (Sayyid Qutb, 1982). Konsep keadilan dan *maslahah* kepada ahli waris ini boleh dilihat dari aspek-aspek berikut:

Maslahah Kepada Golongan Wanita

Jika dilihat pada zaman Jahiliyah, anak-anak perempuan, isteri, ibu-ibu dan ahli waris perempuan tidak diberikan hak dalam pembahagian pusaka. Hak pewarisan hanya diberikan kepada golongan lelaki yang berperanan mempertahankan kabilah dan keluarga dari serangan musuh. Pewarisan hanya berlaku atas dasar keturunan (untuk lelaki yang dewasa), perjanjian dan anak angkat (al-Yubi, 1998).

Selepas turunnya ayat-ayat pewarisan, Islam telah memperkenalkan satu pembaharuan dalam undang-undang pusaka, di mana kedudukan dan sumbangan kaum wanita telah diiktiraf dengan memberikan kepada mereka taraf ahli waris yang sah. Daripada 12 golongan ahli waris *ashab al-furudh*, lapan daripadanya adalah ahli waris perempuan dan hanya empat sahaja yang terdiri dari ahli waris lelaki. Bahkan

dalam beberapa situasi tertentu, bahagian waris perempuan adalah lebih banyak berbanding lelaki (al-Yubi, 1998; Belhaj, 2009). Sebagai contoh dalam situasi si mati meninggalkan seorang anak perempuan, seorang cucu perempuan dan seorang saudara lelaki seibu sebapa. (Lihat dalam Jadual 1).

Jadual 1 menunjukkan bahagian yang diperolehi oleh anak perempuan adalah melebihi bahagian saudara lelaki seibu sebapa. Ini jelas menunjukkan pertimbangan masalah hubungan keluarga dan kesinambungan hidup waris perempuan terdekat menjadi keutamaan berbanding jantina. Berbeza dengan amalan pewarisan pada zaman Jahiliyah yang tidak memperuntukkan apa-apa kepada waris perempuan.

Jadual 1: Kes Waris Perempuan dan Waris Lelaki

Bahagian	6	Nilai Harta	RM12,000
1/2	Anak perempuan 3	Anak perempuan 3/6	RM6,000
1/6	Cucu perempuan 1	Cucu perempuan 1/6	RM2,000
'Asābah (Baki)	Saudara lelaki seibu sebapa 2	Saudara lelaki seibu sebapa 2/6	RM4,000

Masalah Kepada Kanak-Kanak

Pada zaman Jahiliyah, kanak-kanak yang belum baligh tidak diberikan hak dalam pembahagian harta pusaka. Ini kerana status mereka seperti kaum wanita yang dianggap bebanan serta tidak memberikan sumbangan kepada kabilah. Manakala Islam pula tidak menafikan hak dalam pusaka antara lelaki dan perempuan, kecil atau besar, di mana semua mereka berhak menerima harta pusaka yang ditinggalkan oleh pewaris. Dalam hal ini, kaedah pewarisan dilihat dari sudut keturunan bukannya pada takat sumbangan tertentu. Justeru tiada perbezaan hak dan bahagian anak yang baru lahir ke dunia dengan anak yang telah dewasa (al-Yubi, 1998; Belhaj, 2009).

Masalah Berdasarkan Tanggungjawab

Syariat memberikan lebih peruntukkan bahagian harta pusaka kepada waris yang paling hampir dan lebih banyak tanggungjawab. Konsep berlebih kurang kadar (*al-tafadhul*) dalam pembahagian pusaka adalah berasaskan kepada keperluan (*al-hajah*) para waris. Sebagai contoh anak-anak lebih memerlukan kepada harta berbanding dengan bapa dan datuk, waris lelaki lebih memerlukan kepada harta berbanding dengan waris perempuan kerana memikul tanggungjawab tertentu dalam keluarga.

Lebih menarik lagi syariat memberikan bahagian untuk anak lelaki adalah lebih berbanding bapa pewaris. Jika dilihat dari sudut hubungan kekeluargaan, kedua-dua golongan ini adalah sama hampir dengan pewaris. Namun begitu keperluan

anak kepada harta melebihi keperluan bapa. Ini kerana perbelanjaan dan tanggungan generasi kemudian adalah lebih besar berbanding generasi awal. Malah jika dihitung dari sudut jangka hayat yang berbaki, kehidupan dan masa hadapan anak juga lebih panjang berbanding bapa. Justeru itu pertimbangan keadilan sistem pusaka Islam melihat kepada hak-hak, keperluan dan tanggungjawab para waris (Barraj, 1981). Contoh penyelesaian pusaka kes ahli waris anak dan ayah si mati adalah seperti jadual 2:

Jadual 2 menunjukkan bahagian yang diperolehi oleh bapa adalah kurang berbanding anak lelaki si mati. Walaupun dari sudut hubungan kekeluargaan, kedua-kedua ahli waris ini adalah sama hampir dengan si mati namun dari sudut keperluan dan tanggungjawab, hak anak lelaki adalah melebihi hak bapa.

Jadual 2: Kes Waris Ayah dan Anak Lelaki

Bahagian		6	Nilai Harta		RM12,000
1/6	Ibu	1	Ibu	1/6	RM2,000
1/6	Bapa	1	Bapa	1/6	RM2,000
'Asabah (Baki)	Anak lelaki	4	Anak lelaki	1/4	RM8,000

Maslahah Berasaskan Hubungan Kekeluargaan

Keadilan dan *maslahah* kepada waris kategori ini boleh dilihat daripada dua dimensi iaitu; pertamanya, jaminan manfaat umum untuk waris yang pada asasnya semua waris sama ada waris *nasabiyyah* (hubungan darah) atau waris *sababiyyah* (misalnya melalui perkahwinan) adalah berhak mewarisi. Setiap waris yang layak adalah berhak mendapat peruntukan daripada harta si mati serta tidak boleh dinafikan hak ini seperti melakukan wasiat untuk menghalang waris tertentu daripada mewarisi. Dimensi kedua pula ialah jaminan keutamaan antara sesama waris iaitu waris yang terdekat mempunyai *maslahah* yang lebih besar berbanding waris yang jauh. Misalnya, waris *fardhu* akan diutamakan daripada waris *'asabah* dan waris *usul* diutamakan daripada waris *hawashi*.¹ Waris paling hampir iaitu ibu bapa, pasangan dan anak-anak tidak akan digugurkan daripada menerima harta pusaka dalam apa keadaan sekalipun. Kemungkinan kadar bahagian mereka dalam pusaka boleh berubah sekiranya terdapat ahli-ahli waris yang lain.

Begitu juga dalam proses pembahagian pusaka, bagi memastikan *maslahah* kepada semua waris dilaksanakan secara adil dan saksama, fukaha berpandangan bahawa semua waris adalah berhak mendapat pertimbangan *maslahah* yang sekata. Konsep ini dapat dilihat dalam kes *'awl* apabila bilangan waris yang berhak mewarisi adalah melebihi daripada nilai harta yang ditinggalkan sehingga menyebabkan masing-masing mewarisi sedikit sahaja daripada harta pusaka. Dalam hal ini, pertimbangan *maslahah* menetapkan bahawa setiap waris akan diberikan pengurangan bahagian

¹ *Hawashi* ialah waris sisi seperti adik-beradik, bapa saudara dan sepupu.

pusaka secara sekata dan saksama mengikut kadar bahagian pusaka masing- masing (al-Sabuni, 1985). Implementasi kaedah pengurangan pusaka secara sekata mengikut nisbah kadar pusaka hanya boleh berlaku pada waris *taqdim* sahaja. Mereka ialah waris yang menerima pusaka secara *fardu* yang telah ditetapkan bahagiannya oleh syarak. Manakala dalam kes yang melibatkan waris *ta'khir* iaitu waris yang menerima bahagian *'asabah* (baki), kaedah ini tidak boleh dilaksanakan kerana bahagian mereka berdasarkan lebihan harta pusaka sekiranya ada (Barraj, 1981). Contoh penyelesaian pusaka bagi kes *'awl* adalah seperti jadual 3:

Jadual 3 menunjukkan bahagian yang diperolehi oleh waris *taqdim* iaitu suami, ibu dan saudara perempuan seibu sebapa adalah sepertimana yang ditetapkan oleh nas syarak. Walaubagaimanapun jumlah bahagian melebihi *asl al-masalah* serta mewujudkan *asl al-masalah* baru (*'awl*). Fukaha berpandangan bahawa semua waris adalah berhak mendapat pertimbangan *masalahah* yang sekata dan saksama, iaitu masing-masing akan mewarisi jumlah harta yang kurang berbanding bahagian yang diperuntukkan. Maka dengan itu jumlah harta bahagian suami yang asalnya RM8,000 iaitu satu perdua dari jumlah harta telah dikurangkan kepada RM6,000 iaitu 3/8 dari bahagian harta. Begitu juga kepada dua ahli waris yang lain bagi mewujudkan keadilan dan menjaga kepentingan semua waris.

Jadual 3: Kes *'Awl*

Bahagian	6	(<i>'Awl</i>) 8	Nilai Harta	RM16,000
1/2 Suami	3	3	Suami 3/8	RM6,000
1/3 Ibu	2	2	Ibu 2/8	RM4,000
1/2 Saudara perempuan seibu sebapa	3	3	Saudara perempuan seibu sebapa 3/8	RM6,000

Masalahah Kepada Janin, Khunsa dan Mafqud

Janin dalam kandungan ibunya, khunsa dan *mafqud* (orang hilang) masing-masing mempunyai hak dan keadilan dalam pewarisan Islam. Para fukaha bersepakat bahawa janin berhak mendapat harta pusaka pewarisnya yang mati bersama-sama dengan ahli-ahli waris yang lain. Pewarisan janin berlaku apabila wujud dalam kandungan ibunya semasa kematian pewaris. Janin tersebut hendaklah dipastikan hidup sebaik sahaja dilahirkan walaupun hanya beberapa saat. Setelah memenuhi syarat-syarat di atas, janin berhak mewarisi harta pusaka dan berapa bahagian harta yang sepatut disimpan sehingga kelahirannya.

Isu waris khunsa juga turut mendapat tempat di dalam sistem pewarisan Islam. Perbincangan terperinci dilakukan oleh para fukaha bagi memastikan status dan kedudukan mereka dalam menerima harta pusaka sama ada sebagai seorang waris lelaki atau perempuan. Khunsa adalah merujuk kepada seseorang yang mempunyai

dua alat kelamin iaitu lelaki dan perempuan, atau tidak terdapat sebarang tanda sama ada lelaki atau perempuan. Syarak menetapkan pewarisan khunsa hendaklah mengikut jantina yang paling dominan berdasarkan laporan pakar perubatan atau mereka yang berkeahlian dan diiktiraf.

Selain itu, Sistem Pewarisan Islam turut memberi tumpuan kepada pembahagian harta pusaka *mafqud*. *Mafqud* bermaksud seseorang yang telah hilang atau ghaib tanpa diketahui keadaannya sama ada masih hidup atau mati. Syariat memberikan keadilan dan menjaga kepentingan *mafqud* sepanjang tempoh kehilangan. Selagimana status *mafqud* belum diputuskan maka isterinya tidak boleh berkahwin lain manakala hartanya pula tidak boleh dipusakai. Hak-hak dan tanggungannya hendaklah dipelihara sehingga jelas kedudukannya.

Dalam konteks *mafqud* sebagai ahli waris, jumurh ulama berpendirian bahawa harta si mati tertanggung dari berpindah milik (*mauquf*) kepada *mafqud* berikutan statusnya yang masih samar. Sekiranya masih hidup maka beliau berhak ke atas harta si mati, dan sekiranya telah mati maka harta tersebut menjadi hak milik ahli waris yang lain. Justeru pembahagian status harta pusaka si mati terbahagi kepada dua kebarangkalian bagi memudahkan pengurusan sebelum pengisytiharan kematian dikeluarkan oleh mahkamah (Hadi, 2010). Contoh penyelesaian pusaka kes *mafqud* adalah seperti jadual 4.

Jadual 4 menunjukkan bahagian yang diperolehi oleh si suami *mafqud* sebagai salah seorang ahli waris yang berhak ke atas harta si mati. Pihak pentadbir pusaka akan menyerahkan bahagian yang tiada pertikaian sahaja kepada ahli waris manakala bahagian yang wujud pertikaian ditangguhkan sehingga pengisytiharan kematian oleh mahkamah. Merujuk kes di atas, bahagian harta yang tiada pertikaian ialah 12/21 bahagian berjumlah RM12,000.00 yang menjadi milik sah dua saudara perempuan sebapa manakala bakinya sebanyak RM9,000.00 ditangguhkan pembahagiannya (*mauquf*). Sekiranya *mafqud* kembali maka beliau berhak ke atas semua harta *mauquf* sebanyak RM9,000.00 itu dan tiada bahagian untuk bapa saudara. Sekiranya *mafqud* diisytiharkan mati sebelum isterinya atau tidak diketahui tarikh matinya maka harta *mauquf* tersebut diserahkan kepada dua saudara perempuan sebapa sebanyak RM2,000.00 manakala RM7,000.00 pula menjadi milik bapa saudara si mati.

Hanya pemerintah atau mahkamah yang mempunyai bidangkuasa untuk menentukan dan membuat keputusan sama ada *mafqud* itu masih hidup atau telah mati. Penentuan dibuat berpandukan kepada bukti-bukti, penyiasatan atau telah tamat tempoh menunggu. Justeru apabila mahkamah telah memutuskan bahawa *mafqud* telah meninggal dunia maka kematiannya dianggap berlaku pada masa keputusan mahkamah dikeluarkan. Status anggapan mati ini menjadikan para waris yang masih hidup ketika keputusan dibuat adalah berhak mewarisi hartanya. Demikian juga jika *mafqud* itu sendiri adalah waris, maka dia berhak mewarisi harta pewarisnya yang mati sebelum keputusan mahkamah dibuat terhadapnya (Saqqa, 2008; Abdullah, 2010).



Jadual 4: Pembahagian Harta Suami *Mafqud*

Suami <i>Mafqud</i> Anggap Hidup		Suami <i>Mafqud</i> Anggap Mati		Nilai Penyama Anggap Hidup		Nilai Penyama Anggap Mati		Nilai Harta Anggap Hidup		Nilai Harta Anggap Mati			
		7		3		21		21		RM21,000		RM21,000	
1/2	Suami (<i>mafqud</i>)	3	M	Suami (<i>mafqud</i>)	-	Suami (<i>mauqūf</i>)	9	Suami (<i>mauqūf</i>)	-	Suami (<i>mafqud</i>)	RM9,000 (<i>mauqūf</i>)	Suami (<i>mafqud</i>)	-
2/3	Dua Saudara Perempuan Sebapa	4	2/3	Dua Saudara Perempuan Sebapa	2	Dua Saudara Perempuan Sebapa	12	Dua Saudara Perempuan Sebapa	14	Dua Saudara Perempuan Sebapa	RM12,000	Dua Saudara Perempuan Sebapa	RM14,000
Baki	Bapa Saudara	-	Baki	Bapa Saudara	1	Bapa Saudara	-	Bapa Saudara	7	Bapa Saudara		Bapa Saudara	RM7,000

Jika keputusan mengenai kematiannya telah dibuat oleh mahkamah, tetapi ternyata kemudiannya dia masih hidup, maka dia boleh menuntut kembali bahagian hartanya di mahkamah. Dalam hal ini, mahkamah akan menentukan sama ada beliau berhak mendapatkan kembali keseluruhan harta miliknya atau sebahagian daripadanya.

KESIMPULAN

Sistem Pewarisan Islam mengandungi aturan hukum yang bertujuan menjamin keadilan dan *maslahah* pemilik harta dan ahli waris. Teori *maslahah* dalam ayat-ayat pewarisan atau hadis-hadis tidak semuanya ditonjolkan secara zahir, malah kadangkala yang muncul secara tidak langsung. Keadaan ini memerlukan penelitian fukaha dalam mengenalpasti kehendak syarak supaya konsep yang dibincangkan adalah sejajar dan tepat.

Dalam pembahagian harta pusaka, pertimbangan keadilan dan *maslahah* adalah melibatkan *nas qat'ie* yang jelas wujudnya ketetapan, juga bersifat *ijtihadi* di mana tiada ketetapan yang khusus dari nas syarak. Perbincangan konsep *maslahah* yang bersifat *ijtihadi* hendaklah mempunyai hubungan dengan kehendak syarak sama ada merujuk kepada keutamaan ahli waris atau merujuk kepada hikmah di sebalik pensyariatan hukum. Faktor-faktor ini menjadi asas dan penyebab dalam analisis yang dilakukan oleh para sarjana Islam ketika memutuskan mengenai sesuatu *maslahah*. Dalam hal ini, sesuatu nas bukan sahaja difahami berdasarkan petunjuk umum tetapi juga mengandungi pendalilan khusus dalam memahami maksud *maslahah* bagi mencapai *Maqasid Shariah*. Perbincangan para fukaha dalam perkara ini sentiasa memberikan fokus kepada kepentingan pemilik harta dan ahli waris dalam pentadbiran harta pusaka terutama dalam perkara yang tidak jelas (*dzanni dilalah*). Justeru itu, pemahaman maksud *maslahah* dalam pewarisan perlu seiring dengan semangat dan kehendak syarak demi memastikan hak pemilik harta dan warisnya terpelihara.

RUJUKAN

- Al-'Arabi, Belhaj (2009). *Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith 'ala Dhau Qanun al-Usrah al-Jadid*. Amman: Dar al-Thaqafa.
- Abd al-Baqiy, Muhammad Fuad (1981). *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz Al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Azhar Basyir (2000). *Negara dan Pemerintahan dalam Islam*, Yogyakarta: UII Pres.
- Al-Amidi, Sayf al-Din 'Ali bin Muhammad (1998). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Azri bin Bhari (2016). Analisis Fatwa Zakat di Malaysia dari Perspektif Maqasid Syariah. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Barraj, Jum'ah (1981). *Ahkam al-Mirath fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Amman: Dar al-Fikr.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan (1966). *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Damshiq: al-Maktabah al-Umawiyyah.



- Al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad bin 'Ali (1987). *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Sharh al-Kabir*. Lubnan: Maktabah Lubnan.
- Al-Ghazali, Abi Hamid bin Muhammad bin Muhammad (1997). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut : Mua'ssasih al-Risalah.
- Hadi, Muhammad (2010). *Ahkam al-Mafqud; Dirasah Muqaranah*. Amman: Dar Dajlah.
- Ibn Manzur. Jamal al-Din Muhammad bin Mukram (t.t). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Jasni Sulong dan Faisal Husien Ismail (2011). Pemakaian Doktrin al-Masalih al-Mursalah dalam Hukum al-Fara'id. *Jurnal Syariah*, Jil. 19, Bil. 1, Universiti Malaya. 1-22
- M. Quraish Shihab (2003). *Wawasan Al-Qur'an*. Bandung: Pustaka Mizan.
- Mohamed Hadi (2014). Anggapan Kematian orang hilang Menurut Undang-Undang Sivil dan Syariah: Satu Penilaian Semasa. *Jurnal Kanun*. Jilid 26, bil. 1 Jun 2014. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa, Ibrahim *et al.* (2004). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Maktabah al-Syuruq al-Dauliyyah.
- Naziree Md. Yusuf (2009). Mekanisma Dokumen Wasiat Amanah Raya Berhad dan Aplikasi Hibah Ruqba: Satu Analisis. *Jurnal Kanun*. Vol. 21, No. 3, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1-19.
- Noresah Baharom *et al.* (Ketua Editor) (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Hazira Rahmat (2009). *Perancangan Harta Mengikut Undang-Undang Islam Menggunakan Konsep Hibah*. Laporan Projek Sarjana Sains (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah), Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ridzwan Ahmad (2008). Metode Pentarjihan *Maslahah* dan Mafsadah dalam Hukum Islam Semasa, *Jurnal Syariah*. Vol. 16, No. 1, Universiti Malaya. 107–143.
- Rusnadewi Abdul Rashid dan Nor Hisyam Ahmad (2013). Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan dan Manfaat dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah, *Jurnal Hadhari*. Vol. 5, No. 1. Universiti Kebangsaan Malaysia. 91-104.
- Al-Sabuni, Muhammad 'Ali (1985). *Al-Mawarith fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.



Saqqa, Abd al-Mun'im. (2008). *Ahkam al-Ghaib wa al-Mafqud fi al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Nawadeer.

Sayyid Qutb (1982). *Al-'Adalah al-Ijtima'iyah fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Syuruq.

Al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa (2011). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari`ah*. Mansoura: Dar al-Ghadd al-Jadid.

Zahr al-Din 'Abd al-Rahman (2011). *Maqasid al-Buyu' wa Turuq Ithbatihah fi al-Fiqh al-Islami*. Amman: Dar al-Nafais lil Nashr wa Tawzi'.

Al-Zuhayli, Wahbah (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.